

Renunglah!

Kembalilah Kepada Keperibadian Bangsa!

(Oleh: Alimin)

Hidup Bahagia:

Sebagaimana orang-orang lain begitulah juga kita orang-orang Melayu di atas muka bumi Allah ini, iaitu tidak ada agak seorang pun yang inginkan hidupnya melarat, hina, menderita dan sengsara dalam sepanjang hayatnya. Kalau orang-orang lain bisa hidup “bertuah” bahagia dan sejahtera, maka kita orang-orang Melayu pun berkehendak juga demikian itu, sedangkan dunia ini berkembang dicipta dan dikurniakan Tuhan yang Maha Pemurah itu ialah untuk semua hamba-Nya. Tuhan tidak mengambil sebarang faedah pun, hanyasanya yang dikehendaki-Nya supaya kita sekalian bersyukur kepada-Nya dan mengucapkan kepujian sebanyak-banyaknya. Firman Tuhan di dalam al-Qur’ān: *“Huwa al-ladhī khalaqa lakum mā fi al-ard jamī‘ā”* ertinya: “Allah yang telah menjadikan barang apa jua yang di dalam bumi ini, semuanya untuk kamu sekalian dan firman-Nya lagi: *“wa in laysa li al-insān illā mā samī‘”* yang bererti: “Dan tidak ada bagi manusia itu, melainkan apa yang ia usahakan.”

Keperibadian Melayu:

Kalau kita melihat kepada kenyataan sejarah, di mana kita orang-orang Melayu sebagai suatu bangsa yang telah berada

di muka bumi ini sudah berkurun-kurun lamanya itu, bukannya suatu umat yang lemah longlai dan murat-marit dalam kehidupannya bahkan telah pernah sejajar dengan manusia-manusia lain. Tetapi pada akhir-akhir ini kita orang-orang Melayu kalah – ini terpaksa kita akui – ialah kerana perpaduan kita telah menjadi lemah dan diperlemahkan oleh penjajah juga oleh para “bayang keladi” yang didapati tumbuh di tengah-tengah arena masyarakat kita. Pepatah ada mengatakan: “Musuh yang berada di dalam rumah itu – lebih berbahaya daripada musuh yang mendatang.” Oleh yang demikian, andai kata masyarakat kita ingin kembali sembuh, ibarat sakit, maka hendaknya jangan segan-segan “makan ubat” dan ubatnya yang paling baik sekali di antaranya ialah kita kembali kepada **keperibadian bangsa** kita sendiri iaitu bersatu padu semula, seganding dan seiring lagi. Dimisalkan kepada “sebuah badan” maka otak, urat, tulang, daging, mata, telinga, kepala, kaki, tangan, jari-jari yang kedua puluh itu pasti “bersatu” dengan satu hal dan tujuan iaitu menjadikan badan kita segar, sihat dan sejahtera. Pepatah seorang pujangga ada mengatakan: *“Ibtilā’ukum bimajnūn khayra min ibtilā’ikum binasfi majnūn.”* ertinya: “Kamu dapat bahaya penyakit gila itu

lebih baik daripada kamu dapat bahaya penyakit ‘setengah’ gila”.

Di dalam golongan satu-satu masyarakat dan satu-satu bangsa itu, kiranya ada berlaku kasta-kasta, satu puak menekan satu puak yang lainnya, maka masyarakat atau bangsa itu tidak akan merasai kesejahteraan dalam hidupnya. Bagi bangsa dan masyarakat kita orang-orang Melayu pula, cara hidup berkasta-kasta dan berpuak-puak untuk tindas-menindas itu, bukanlah ia keperibadian bangsa sendiri, hal yang demikian adalah ajaran-ajaran dari pihak *capitalist, feudalist* yang dipersenjatakan oleh *imperialist* atau penjajah. Mata kapak yang diperbuat daripada besi itu serta dipertajamkan pula, ada lebih mudah dijadikan alat pemotong kayu, dengan diberikan berhulukan kayu pula, inilah rupa taktik politik “pintar busuk” kaum penjajah yang telah menyelubungi kita bangsa Melayu lebih dari 400 tahun lamanya.

Kegotong-royongan:

Sejak dahulu lagi, kita bangsa Melayu telah dikenali oleh orang-orang di dunia iaitu orang yang bersifat mulia. Kita orang-orang Melayu tahu bertata-susila, tahu berbudi bahasa, tahu bersopan-santun, tahu berperangai baik dan lemah lembut, tahu menghormati orang lain, tahu bermuafakat bersatu-padu dalam banyak-banyak urusan besar atau kecil, Jelasnya masyarakat kita bangsa Melayu adalah berupa masyarakat **kegotong-royongan** juga kita orang-orang Melayu tak dapat dipermudah-mudah atau dipemain-mainkan terutamanya Melayu di zaman yang silam. Hal-hal inilah maka kita dipandang mulia

Renunglah!

oleh orang lain. Dan dengan itulah pula timbulnya beberapa pepatah, beberapa peribahasa di antaranya, “berat sama dipikul – ringan sama dijinjing” – “hati gajah sama dilapah – hati kuman sama dicecah” – “cubit peha kiri – peha kanan sakit sama” – “ke luruh sama menurun – ke gunung sama mendaki” – “penghulu bapa sekampung – pembesar payung negeri” – “dari hidup bercermin bangkai – biar mati bergalang tanah” “daripada putih mata biar putih tulang” dan lain-lain falsafah-falsafah, ke **gotong-royongan** dalam masyarakat dan ketata-susilaan dalam adat resam kita bangsa Melayu tersebut, jika dibandingkan dengan apa yang dianjurkan oleh agama Islam adalah agak selaras. Nabi besar kita Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah mengatakan: “*al-jamā‘atu rahmat wa al-furqat ‘adhābah.*” Ertinya; “dengan bersama (bersatu) itu datang rahmat, dan berpecah itu datang azab.” Firman Tuhan pula: “*Lahum fī al-dunyā khazā‘ah wa fī al-ākhirah khazā‘ah.*” Ertinya: “Bagi mereka hina dunia, maka di akhirat mereka akan dihina juga.

Yang tersurat dan yang tersirat:

Kini kita orang-orang Melayu telah berada di dalam kurun yang kedua puluh, berada di tengah-tengah masyarakat dunia yang “serba moden” pula. Dengan yang demikian tidaklah patut kalau kita “ketinggalan” dalam beberapa segi perubahan zaman itu. Tetapi hendaknya, kita mestilah pandai dalam memilih iaitu moden cara mana yang

mungkin membawa kebaikan atau keburukan kepada masyarakat dan bangsa kita. Sepanjang yang dapat kita lihat sekarang, bahawa “moden” yang mungkin mendatangkan kebaikan kepada kita ialah; moden dalam berfikir, moden dalam perusahaan, moden dalam berpolitik dan moden dalam berekonomi. Rasanya harus bagi orang-orang yang pesat sekali kemajuannya hari ini itulah “rahsia” dalam perjuangannya. Kalaulah orang-orang kita hanya berambut ala Beatle, berpakaian sarat ketat, terbelah dan terbuka, juga membuang adat resam dan bahasa sendiri yang baik, diganti dengan kepunyaan orang lain kerana “moden” kononnya, yang demikian dikatakan kemajuan masyarakat dan bangsa kita” amatlah payah hendak diterima. Akhlak atau peradaban dalam masyarakat orang-orang barat itu sama ada di zaman moden ini, apa lagi di zaman kunonya, bukanlah baik semuanya. Maka dengan itu, hendaknya segala apa yang datang dari sana, dan yang dieksport dari sana haruslah diteliti dan dianalisa terlebih dahulu akan apa yang tersurat dan yang tersirat supaya tidak menjadi “sesal kemudian” kepada kita. Sejarah telah membuktikan bahawa peradaban yang baik dan akhlak yang sempurna dipermukaan dunia ini adalah lahirnya di bahagian sebelah timur ini, bukannya di barat. Begitulah juga tentang lahirnya perbendaharaan ilmu pengetahuan.

Kata-kata Hikmah

Kehilangan kekuatan buat mengendalikan diri sendiri, adalah merupakan tenaga permulaan jatuhnya darjat diri sendiri. – (Byron).

*

* *

sudah siap!

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah I

RUPA YANG BUROK

Di-padankan dari che-
rita2 Sejarah Islam.

Didek-lah jiwa kanak2
dengan menggalakkan
membacha buku2 se-
jarah ringkas Islam.

Di-jalin dengan baha-
sa yang mudah dan le-
kas di-fahami oleh
kanak2. Serta di-hiasi
dengan gambar2 lukisan
yang menarik.

Sa-buah 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247 Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

* *

*